

THE

# TITAN

17 JULAI 2022 | BIL: 16

[www.richworks.com](http://www.richworks.com)

**RICHWORKS™**

Di Sini Lahirnya  
Usahawan Jutawan

*Industry View*

CARA  
MENANGANI  
INFLASI  
DALAM  
SYARIKAT

# AZDAN

TINGKATKAN KUALITI BACAAN AL-QURAN



# TUNAI PERMINTAAN MAK, BUKA PUSAT PENGAJIAN AL-QURAN

Tak mahu menghamparkan harapan emak tercinta, Ustaz Anas Azami mengambil keputusan menunaikan permintaan berkenaan.

"Mak saya cakap boleh tak buka pengajian al-Quran. Mula-mula tu saya masih buat macam biasa. Bila mak saya dah dua tiga kali sebut, ini benda yang mak saya nak sangat saya buat."

"Kalau sebelum ini banyak impian mak yang saya tak dapat tunaikan, tak dapat jadi doktor saya cuba tunaikan untuk jadi guru al-Quran," katanya kepada Team RichWorks.

Mengimbas perjalanan membuka pusat pengajian al-Quran, Anas berkata, beliau membuka sebuah pusat pengajian di Sepang dengan menggunakan semua wang simpanannya.

"Saya masih ingat lagi dulu, pada waktu itu saya keluarkan hampir kesemua simpanan kewangan untuk buka pusat pengajian di Sepang tetapi tidak boleh pergi jauh," kongsinya.

Sekalipun usahanya melalui banyak cabaran dan rintangan, Anas tidak berputus asa.

Ikhtiarnya tidak terhenti di situ sahaja apabila



beliau memberanikan diri dengan menganjurkan pengajian secara percuma di masjid dan sekolah.

## DIHALAU KARIAH MASJID

Anas mengakui pernah melalui pengalaman pahit, termasuk dihalau oleh kariah masjid walaupun memberi khidmat mengajar al-Quran secara percuma.

"Pengalaman itu memang sukar untuk saya lupakan. Saya berasa sangat sedih kerana saya dihalau sedangkan saya hanya ingin membantu masyarakat untuk mendapatkan pengajian al-Quran yang lebih berkualiti secara percuma di masjid.

"Ketika itu, saya dilayan seperti 'pengemis' hanya disebabkan saya membuat kempen mengaji di sekolah dan surau," luahnya.

Begitupun, pengalaman dan cabaran itu bukan penghalang kepada Anas untuk terus membantu umat Islam meningkatkan kualiti bacaan al-Quran mereka.

Walaupun diuji dengan pelbagai cabaran getir, semangat untuk mendidik anak bangsa tidak pernah padam dalam sanubari Anas.

## CELIK AL-QURAN

"Niat saya adalah untuk membantu anak bangsa saya yang beragama Islam untuk pandai mengaji. Ramai yang dah serik belajar mengaji sebab guru terlalu garang, kaedah terlampau susah, tiada masa dan sebagainya," ujarnya.

Faktor guru garang dan kaedah pembelajaran yang sukar difahami sering menjadi faktor penolak kepada umat Islam di luar sana untuk belajar mengaji.

Selain itu, tidak kurang juga ada dalam kalangan mereka yang gagal mengetepikan perasaan malu kerana dalam usia dewasa masih merangkak membaca ayat suci al-Quran.

Azdan juga menggunakan kaedah yang dibangunkan sendiri hasil daripada masalah dan



**KITA ADA TEMAN SEKELILING YANG SENTIASA BERSEMANGAT, SELAIN TURUT BERPELUANG BERKONGSI PANDANGAN DENGAN DR. AZIZAN. SEMUA USAHAWAN DALAM CIRCLE TITAN JUGA SALING MENYOKONG ANTARA SATU DENGAN YANG LAIN.”**

pengalaman berdepan dengan pelajar selain kadar yuran yang lebih jimat.

“Walau pun yuran RM100 dan mengikut pakej yang dipilih tetapi pengajian kita mengambil masa yang lebih singkat.

“Kita ada kelas sokongan yang banyak seperti kelas harian, mingguan atau seminar bulanan yang mempercepatkan proses pembelajaran,” katanya.

Dalam pada itu, Azdan sentiasa membangun kaedah yang lebih efisien dan memudahkan pelajar untuk menguasai ilmu Al-Quran dengan lebih cepat.

## JANGAN MUFLIS AKHIRAT

Tak pernah kenal erti menyerah, pada 1 Mac 2018 bermulaan pembukaan Azdan Quranic Center.

“Ibadah tanpa ilmu akan jadi sia-sia dan muflis akhirat. Saya ambil keputusan menyertai program anjuran RichWorks dan Mentor

Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman yang diperkenalkan oleh mak saya.

“Dr. Azizan tekankan mengenai ilmu kepimpinan, kalau tak belajar mungkin saya tak mampu nak uruskan kakitangan dan masih berada pada tahap lama,” ujarnya.

Tambah Anas, menyertai program mentoring Titanium membuatkan beliau berada dalam circle yang sentiasa positif.

“Kita ada teman sekeliling yang sentiasa bersemangat, selain turut berpeluang berkongsi pandangan dengan Dr. Azizan. Semua usahawan dalam circle Titan juga saling menyokong antara satu dengan yang lain,” katanya

## NAIK TARAF KERJAYA GURU AL-QURAN

Memilih kerjaya sebagai guru al-Quran sepenuh masa adalah tugas mulia dan menawarkan pendapatan lebih baik berbanding suatu masa dahulu.



Menurutnya, dahulu ramai guru al-Quran terpaksa melakukan dua atau tiga pekerjaan bagi menampung kos sara hidup yang tinggi.

"Alhamdulillah, hari ini dengan menaik taraf kerjaya dalam bidang al-Quran, kami dapat membantu 100 kakitangan tetap berkongsi rezeki bersama Azdan Quranic Center, malah mempunyai rezeki lebih untuk dikongsi bersama keluarga dan insan lain.

"Ada sebelum ini hidup sangat struggle, keluarga pun bukan dari keluarga senang sekarang mereka boleh support hidup keluarga. Sekarang ramai dah ada kereta, beli rumah sehingga dua rumah pun ada," jelasnya.

Tambah Anas, guru al-Quran yang diterima sebagai tenaga pengajar di Azdan akan ditapis bagi memastikan kualiti guru terjamin.

"Kedua, bagi memastikan kualiti guru sentiasa berada pada tahap terbaik kami juga mengadakan kursus setiap minggu," jelasnya.



LIVE 24 JAM

SETIAP HARI JAM 11.00 MALAM HINGGA 4.00 PAGI

Ustazah Aisyah . Ustazah Aaina . Ustaz Husaini  
Ustazah Wan Akhirah . Ustazah Amirah Huda . Ustazah Nabilah  
Ustaz Usamah . Ustaz Ikmal . Ustazah Aida

24 Jam NgajiJom

Azdan  
"Living Quranic Life"

# MALAYSIA PRESTIGIOUS INDUSTRY AWARD



## PENCAPAIAN

Setakat tahun ini, Azdan Quranic Center mempunyai hampir 100 staf berbanding hanya beberapa orang ketika bermula.

Lebih membanggakan, syarikat tersebut turut menerima anugerah Brand Laureate, World Halal BestBrands kategori Online Quran Education, Excellent CEO in Islamic Education Industry dan Best SME Most Innovative Education in Islamic Learning.



### Kerjaya guru al-Quran dinaik taraf



ANAS dan isteri, Alyah Baa'in bergambar bersama anugerah Brand Laureate yang dimenangi baru ini.

Anas membantu umat Islam meningkatkan kualiti bacaan al-Quran mereka. "Babak tanpa lima ayat jadi sia-sia kerana ia tidak akhir. Saya ambil keputusan menyertai program arahan Richworks dan Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman.

"Dr. Azizan tokokan mengenai ilmu kewangan dan teknologi. Itulah sebabnya saya tak mampu untuk uruskan kalitangan dan masih berada pada tahap 'luring' sahaja. Hasilnya hari ini, Azdan Quranic

Center menyiarkan jumlah RM30 juta pada 2022, selepas mencapai RM10.4 juta tahun lalu.

Lebih membanggakan, syarikat tersebut turut menerima anugerah Brand Laureate, World Halal BestBrands kategori Online Quran Education, Excellent CEO in Islamic Education Industry dan Best SME Most Innovative Education in Islamic Learning.

Ketika ini juga lebih 30 orang yang berada dalam kelas intensif Azdan.

Mereka yang berminat mendapatkan maklumat lanjut boleh melayari laman sesawang [azdan.my](http://azdan.my)



# 3

THE  
**TITAN**

## NASIHAT

USTAZ ANAS AZAMI



### 1 PERTAMA, betulkan niat dan yakin janji Allah SWT.

“Sentiasa betulkan niat dalam apa pun perkara kita buat, lakukan yang terbaik dan yakinlah dengan janji Allah SWT,” ujarnya.

### 2 KEDUA, setiap perbuatan memerlukan ilmu dan mulakan sahaja apa yang ada pada tangan.

“Apa pun yang kita buat dalam hidup kita perlukan ilmu. Apa yang ada di tangan mulakan sahaja, jangan tunggu ada semua baru hendak mula,” katanya.

### 3 KETIGA, umat Islam perlu kembali kepada agama dan beribadah dengan ilmu elak muflis akhirat.

“Kita mungkin solat hari-hari, kita mungkin baca al-Quran hari-hari, puasa banyak tetapi jika beribadah tanpa ilmu, risau akan jadi sia-sia. Macam solat tak ada ilmu, kita ikut sahaja orang. Kita risau kosong. Sama juga dengan mengaji. Baca-baca tak ada ilmu, risau results pun kosong juga.

“Kita risau jadi muflis akhirat, bukan muflis duit tetapi muflis pahala dah habis atau tak ada,” jelas Anas.



# CARA MENANGANI INFLASI DALAM SYARIKAT

**S**yarikat-syarikat sedang berusaha sedaya upaya untuk menangani kenaikan harga komoditi, bekangan bekalan dan memberikan gaji yang lebih tinggi yang disebabkan oleh kekurangan buruh.

Pada separuh pertama 2021, indeks harga pengeluar (PPI) meningkat 10% di negara G7. PPI mengukur harga barang serta-merta selepas pengeluaran dan berfungsi sebagai penunjuk kritikal tekanan yang dihadapi syarikat.

Tidak mahu alami kesan negatif hingga prestasi terus merosot, berikut merupakan beberapa cara yang boleh diaplikasikan oleh pengurusan bagi menangani masalah inflasi dalam syarikat.

## I. HAPUSKAN KERJA

Kekurangan tenaga dan kos buruh yang meningkat, menghapuskan kerja itu sendiri mempunyai kesan yang paling besar.

Syarikat yang melakukan ini dengan baik secara tidak langsung akan menetapkan semula cara kerja mereka.

Pendekatan ini memaksa syarikat untuk meneliti aktiviti yang dilakukan dan kaedahnya dilaksanakan dengan cara khusus untuk menghapuskan kerja yang tidak perlu.

Memandangkan inflasi semakin meningkat, syarikat-syarikat merentas industri sedang mengkaji semula kerja mereka serta menentukan perkara yang menambah nilai paling tinggi dan amat diperlukan.

Ia memberikan penjimatan kos dan peluang untuk menggunakan ringgit dan sumber buruh yang terhad kepada apa yang akan membantu mereka

berkembang.

Menghapuskan kerja boleh dijalankan dalam pelbagai cara. Jenama snek terkenal, Mondelez International sedang dalam proses untuk memperkemas pembuatan dengan menghapuskan satu daripada setiap empat produk dalam portfolionya. Ia menjadi matlamat yang ditetapkan pada awal bulan pandemik Covid-19.

## II. AUTOMASI

Selepas menghapuskan kerja, taktik seterusnya yang boleh diaplikasikan adalah proses automasi. Teknologi seperti automasi proses robotik (RPA), aliran kerja dan pemprosesan dokumen pintar boleh mengurangkan penggunaan pekerja dan menjadikan setiap orang lebih bernilai dalam bidang yang mereka mahir.

Contohnya di bahagian peruncitan, kebanyakan staf sering menghabiskan terlalu banyak jam, hari dan minggu untuk memasukkan data item dan produk secara manual contohnya saiz pek, dimensi, imej tapak web apabila mereka boleh mengusahakan aktiviti yang lebih strategik, seperti menganalisis data dan menjana pandangan.

Selain penjimatan kos buruh, automasi boleh menggalakkan kestabilan dalam organisasi. Syarikat yang telah melabur lebih banyak dalam automasi sebelum wabak telah mengharungi krisis dengan lebih baik daripada yang lain.

Mereka juga telah menjana pendapatan yang lebih tinggi dan kurang gangguan pada rantai bekalan, produktiviti tenaga kerja dan permintaan. Syarikat boleh menggunakan keuntungan produktiviti dan penjimatan kos yang mereka terakru daripada menggunakan lima alatan sebelumnya untuk melabur dalam automasi. ●

# Business Evaluation Success Transformation

# fest

Setiap Sabtu & Ahad | 10 pagi – 12 tengah hari



## Bagaimana tingkatkan SALES dengan pantas?

SPEAKER

**Nasrul Hadi**


Chartered Accountant  
FCMA, CGMA, C.A.(M)



Lokasi: Pejabat RichWorks,  
RichQ, Shah Alam



RICHWORKS SIGNATURE PROGRAM



# BUSINESS META**MORPHOSIS** BOOTCAMP

BUSINESS | MARKETING | LEADERSHIP

**Formula Proven Success Results Hasil Bimbingan  
RichWorks Mentorship Telah Berjaya Lahirkan Lebih  
350 Usahawan Jutawan Pada Tahun 2020-2021.**

Program ini bukan untuk semua orang. Hanya untuk mereka yang ada perniagaan dan betul-betul serius nak dibimbing bina bisnes untuk capai matlamat nak Grow bisnes dalam tempoh masa 6-24 bulan.

**5 - 7 OGOS 2022  
DAFTAR SEKARANG!**

[richworks.com/bmb](http://richworks.com/bmb)



**RICHWORKS™**  
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

# 10X BINA BISNES BERJAYA 2022

**BAKAL DIBAWAKAN KHAS  
BUAT BANGSA USAHAWAN  
OKTOBER INI!**

Perkuuhkan bisnes ANDA  
mendepani cabaran masa ini

Jadi bangsa usahawan terawal  
dapatkan tempat & maklumat terkini -  
program-program keusahawanan  
RichWorks dalam menyokong ANDA.



Prapendaftaran  
dengan imbas  
kod QR tertera atau layari  
[www.binabisnesberjaya.com](http://www.binabisnesberjaya.com)  
sekarang!



E-MAGAZINE  
UNTUK  
BANGSA  
USAHAWAN

RICHWORKS™  
THE TITAN

**PENAFIAN :** NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.